

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 30 DISEMBER 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Harapan tahun 2015	KOSMO
2.	Jabatan Meteorologi keluar amaran merah	Sinar Harian
3.	Amaran hujan lebat tahap merah di Terengganu, Pahang, Johor	Utusan Malaysia
4.	Negeri Sembilan kawasan amaran	Harian Metro
5.	Flash floods	The Star
6.	Situation getting worse in eight districts in Pahang	The Star
7.	Disaster first response impeded	The Star

**KERATAN AKHBAR
KOSMO : MUKA SURAT 14
TARIKH: 30 DISEMBER 2014 (SELASA)**

Harapan tahun 2015

SIRIM berharap agar bidang penyelidikan, teknologi dan inovasi negara akan terus berkembang serta menyokong pengukuhan ekonomi negara melalui jaringan kerjasama kerajaan, industri dan rakan strategik SIRIM selain dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh industri tempatan.



**DATUK DR. ZAINAL ABIDIN
MOHD. YUSOF**

Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM Bhd.

Jabatan Meteorologi keluar amaran merah

SHAHALAM - Jabatan Meteorologi mengeluarkan amaran merah kepada beberapa negeri termasuk Pahang, Johor, Terengganu (Dungun dan Kemaman) berikutan gelombang ke empat bermula petang kelmarin.

Pengarah Khidmat Korporat dan Komersial Meteorologi, Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata, penduduk di kawasan terlibat diminta berjaga-jaga dan bersiap sedia jika amaran berpindah dikeluarkan.

Menurutnya, keadaan hujan lebat dan kadangkala berterusan juga akan mengakibatkan negeri-negeri berikut dinaiki air.

Manakala negeri pantai barat termasuk Selangor pula akan menerima tempas iaitu cuaca mendung dan lembap serta hujan yang kadangkala re-

nyai-renyai berterusan.

"Amaran merah dikeluarkan berikutan keadaan hujan berterusan dan kadangkala lebat. Perubahan monsun peringkat keempat itu dijangka akan berakhir pada 1 atau 2 Januari dan kawasan yang dikenal pasti kawasan banjir atau yang berhampiran dikehendaki bersiap sedia serta menjaga keselamatan keluarga masing-masing," katanya, semalam.

Beliau berkata, gelombang kali ini akan memberi kesan kepada Johor, khususnya di daerah Kota Tinggi, Mersing, Segamat dan Kluang.

"Manakala kawasan rendah lain di Johor juga, berkemungkinan berdepan risiko ditenggelami banjir akibat kesan limpahan air yang berlaku di sebelah Pantai Timur," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 30 DISEMBER 2014 (SELASA)

Amaran hujan lebat tahap merah di Terengganu, Pahang, Johor

KUALA LUMPUR 29 Dis. - Jabatan Meteorologi mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat merah di Terengganu, Pahang dan Johor yang dijangka berterusan sehingga Rabu ini.

Menurut laman web jabatan itu, angin kencang berkelajuan 60 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ketinggian ombak melebihi 4.5 meter turut dijangka berlaku di perairan Pantai Timur Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

"Amaran peringkat tertinggi banjir yang membawa hujan sekejap-sekejap kadangkala lebat ini

berlaku di daerah Dungun, Kemaman, Kuantan, Pekan, Rompin dan Mersing.

"Selain itu, kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur juga akan terdedah kepada kejadian kenaikan paras air laut sehingga Rabu," kata laman web tersebut.

Dalam pada itu, amaran peringkat jingga yang membawa hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana lebat juga dikeluarkan di daerah Hulu Terengganu, seluruh daerah Negeri Sembilan serta beberapa kawasan di Pahang melibatkan daerah Bera, Temerloh, Jerantut dan Maran.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 33
TARIKH: 30 DISEMBER 2014 (SELASA)

Kuala Lumpur

Negeri Sembilan kawasan amaran

Jabatan Meteorologi meletakkan semua daerah di Negeri Sembilan sebagai satu lagi kawasan amaran hujan lebat peringkat jingga sehingga esok susulan hujan berterusan di negeri itu sejak kebela-kangan ini.

Pegawai bertugas Pusat Cuaca Nasional Jabatan Meteorologi berkata, amaran itu menjadikan sebanyak 19 kawasan diletakkan di peringkat

jingga membabitkan daerah di Terengganu, Pahang, Johor dan Sarawak.

"Manakala amaran peringkat merah diletakkan bagi daerah Dungun dan Kemaman di Terengganu; Kuantan, Pekan dan Rompin di Pahang; dan Mersing di Johor yang meramalkan hujan sekejap-sekejap dan kadang-kala lebat berterusan hingga esok," katanya.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (VALLEY VIEWS) : MUKA SURAT 22
TARIKH: 30 DISEMBER 2014 (SELASA)

Flash floods

Even though water levels at dams were low, Klang Valley residents dread the sound of thunder. True to the **Meteorological Department** forecast of heavy rain and thunderstorms in April, flash floods hit KL and Selangor. Traffic came to a standstill one rainy afternoon in May at the Jalan Duta-Jalan Semantan interchange.

The deluge of flood water, which came up to 30cm high, left motorists stranded as the exit heading towards Lebuhraya Mahameru was sealed off by muddy waters.

On Oct 1, following a 90-minutes' downpour, cars in a parking lot along Jalan Pinang in KL was submerged in flood waters. The lack of proper irrigation systems, rapid development including the ongoing MRT works and poor disposal habits continue to cause flood floods in the city.



